

## PENGUASAAN DAN PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP PEMBELAJARAN TATABAHASA PUÑARCCI

Manonmani Devi A/P M.A.R Annamala  
Ani binti Omar  
S.Veeralakshmi

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti penguasaan dan persepsi guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa punarcci. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian dijalankan secara pensampelan rawak melibatkan 40 orang guru pelatih yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil sebagai minor di dua buah Institut Pendidikan Guru di zon utara. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Terdapat dua bahagian iaitu bahagian A merujuk kepada demografi dan bahagian B pula merujuk penguasaan dan persepsi guru pelatih yang meliputi 13 item. Data-data yang diperoleh dari soal selidik di analisis mengikut peratusan dan min dengan menggunakan SPSS (Statistical Package For Science Social). Hasil kajian menunjukkan penguasaan tatabahasa punarcci dan bahasa Tamil guru pelatih IPG berada pada tahap yang rendah. Guru pelatih dalam konteks kajian ini juga tidak berminat untuk belajar tatabahasa punarcci kerana kemahiran tersebut agak sukar untuk difahami dan dikuasai. Implikasi dalam kajian mendapati bahawa penggubalan kurikulum mata pelajaran Bahasa Tamil di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti sukan pelajaran dan huriahan sukan pelajaran harus memberi perhatian penuh untuk memperkasakan tatabahasa Tamil terutama dalam aspek punarcci.

**Kata kunci:** Penguasaan, Persepsi, Tatabahasa, Puñarcci

### PENGENALAN

Salah satu visi dan misi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) adalah untuk melahirkan sistem pendidikan guru yang bertaraf dunia dari segi kualiti demi memenuhi hasrat negara dalam membentuk guru yang terbilang. Sehubungan dengan itu, seorang guru harus meningkatkan profesionalisme perguruan melalui pemerkasaan kepakaran dirinya dalam bidang ilmu pengetahuan agar menjadi seorang guru yang berkualiti (Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman, 2011). Kajian-kajian lalu yang berkaitan dengan pendidikan guru juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara kualiti guru dengan prestasi pencapaian pelajar (Hanushek & Rivkin, 2010; Sanders & Rivers, 1996). Hal ini juga jelas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menegaskan bahawa kualiti guru menjadi faktor penting yang paling penting di peringkat sekolah untuk keberhasilan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Sehubungan dengan itu, kita tidak dapat menyangkal bahawa guru pelatih merupakan salah satu wahana yang paling berpengaruh terhadap proses dan hasil pendidikan yang berkualiti (Amir Juhari & Noor Zila Md. Yusuf, 2012). Lebih-lebih lagi, mereka merupakan agen perubahan sosial yang mampu mengubah pola berfikir, sikap dan perilaku yang menuju ke arah kehidupan bermasyarakat yang lebih baik, bermuarah dan berdikari(Khairul Anwar, 2014). Hal ini demikian kerana, guru pelatih menjadi pemangkin kepada penghasilan pengajaran yang berkualiti dalam bidang pendidikan apabila mereka memiliki kompetensi pedagogi dan kompetensi profesional secara mantap (Cooze & Jantan, 2012). Kompetensi dan kualiti guru pelatih tersebut itu pula akan ditentukan oleh keberkesanannya pelaksanaan PdP yang dilaksanakan di dalam bilik darjah (Jamaluddin Ramli, Ahmad Johari Sihes, Abd Rahim Hamdan & Muainah Ismail, 2006). Kualiti pendidikan yang rendah akan memberi kesan secara langsung terhadap kualiti guru pelatih sebagai modal insan dalam bidang pendidikan. Dalam konteks ini guru memainkan peranan penting untuk membantu murid memperoleh kemahiran belajar yang diperlukan. Lantaran itu persepsi guru pelatih adalah amat penting dan perlu diteliti kerana peranan yang akan dimainkan oleh mereka dalam mendidik generasi akan datang yang terpaksa belajar dalam persekitaran pembelajaran yang mencabar ini.

Kajian ini bertujuan meninjau persepsi guru pelatih terhadap beberapa isu berkaitan aspek tatabahasa puñarcci. Dapatkan kajian ini dapat memberi gambaran keperluan melatih guru pelatih bagi menangani isu ini supaya mereka dapat memainkan peranan yang diharapkan apabila melangkah ke alam perguruan di hari muka nanti.

### LATAR BELAKANG KAJIAN

Beberapa kajian yang dijalankan di negara kita menunjukkan bahawa guru pelatih tidak mempunyai kompetensi yang sepenuhnya dalam melaksanakan tugas dengan efektif di dalam bilik darjah (Hashim Othman & Mohd Daud Hamzah, 2001). Kekurangan kesedaran, kekurangan keinginan dan kekurangan kesanggupan pendidik itu sendiri menjadi faktor-faktor yang menghalang perkembangan ilmu pendidikan bagi meningkatkan kecekapan diri guru-guru pelatih (Noriaty Rashid, Boon & Wong, 2010). Sehubungan dengan itu, guru pelatih juga harus memiliki keterampilan yang jitu, penguasaan pedagogi serta profesionalisme yang baik dalam usaha mendukung peranan mereka yang penting iaitu sebagai pendidik yang berkesan (Boon, 2008). Guru pelatih juga perlu menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh komitmen supaya untuk memahami tugas mereka, bersikap, menilai, membuat keputusan atau bertindak mengikut situasinya (Noranim Taha, 1994). Hal ini penting kerana, guru pelatih yang kompeten mempunyai kesediaan, kemampuan dan kepakaran khusus dalam bidang keguruan serta pengalaman dalam bidang-bidang yang berkaitan (Coombs, 2009). Kualiti pendidikan ini hanya dapat dicapai apabila guru-guru pelatih tersebut mempunyai pencapaian yang baik dalam penguasaan pengetahuan kandungan dan kemahiran pedagogi sebelum memasuki dunia perguruan. Lantaran itu, pembelajaran kandungan matapelajaran pengkhususan dan kemahiran pedagogi dalam kalangan guru pelatih merupakan satu perkara yang penting terutama dalam pembangunan intelektual dan keperibadian pendidik (Chen, & Goh, 2014).

Ringkasnya, kejayaan dalam mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) hanya dapat dicapai apabila golongan guru pelatih sedar dan bersedia untuk menguasai mata pelajaran yang akan diajar dengan lebih efektif. Dalam pendidikan bahasa Tamil, guru pelatih juga dianggap

sebagai model yang harus meningkatkan kecekapan berbahasa mereka supaya guru-guru pelatih tersebut dapat menyampaikan isi pelajaran dengan bahasa yang mudah difahami, tepat, gramatis dan menggunakan gaya dan laras yang betul (Vengadamaal, 2012). Sehubungan itu, guru-guru pelatih bahasa Tamil perlu menguasai tatabahasa Tamil dan harus memiliki sikap positif bagi memartabatkan bahasa Tamil.

## PERNYATAAN MASALAH

Perkembangan semasa di peringkat global tentang pembaharuan pendidikan seolah-olah tertumpu kepada beberapa isu. Antaranya termasuk standard, kualiti dan penyediaan guru. Dalam konteks tersebut kesedaran guru dilihat sebagai elemen yang semakin terserlah peranannya dalam perkembangan profesional keguruan untuk membawa pembaharuan yang dikehendaki (Olugbemiro Jegede, Margaret Taplin, dan Sing-Lai Chan, 2010). Dass (1998) berpendapat bahawa tugas tersebut sangat rumit, dan tidak boleh dicapai dengan hanya memperkenalkan bahan kurikulum baru atau membekalkan komunikasi, teknologi atau gadget bahan ke dalam sistem sekolah. Satu transformasi menyeluruh yang mencakupi semua pihak yang terlibat diperlukan bagi mencapai standard pendidikan yang diinginkan. Dalam memperkatakan tentang pendidikan yang dilalui oleh seseorang guru pelatih Olugbemiro Jegede, Margaret Taplin, dan Sing-Lai Chan, (2010, 287) merumuskan bahawa

With regard to the latter, while teacher education curricula in most parts of the world attempt to strike a balance between content and professional training, the emerging scenario is that of training expert teachers.

Hal ini menegaskan kepada kita bahawa peranan guru adalah penting dalam sistem pendidikan. Mereka yang menjadi ‘*custodian*’ terhadap pengetahuan dan pengajaran. Ada pendapat yang menyatakan bahawa taraf pendidikan sesebuah negara tidak boleh berkembang di luar tahap atau standard guru yang menjadi tulang belakangnya.. Walau bagaimanapun, Elliot (1993) menegaskan bahawa pengajaran seseorang guru dilihat sebagai aktiviti profesional, rasional, dan berperikemanusiaan yang unik yang disampaikan secara kreatif dan imaginasi untuk menggalakkan menggalakkan pembelajaran demi kebajikan orang lain.

Persepsi guru tentang kurikulum memerlukan pengamatan dalam mengimplementasikan pendekatan yang digunakan oleh mereka dalam bilik darjah. Hal ini demikian kerana persepsi guru tentang P&P memainkan peranan yang penting dalam menentukan bagaimana guru tersebut melaksanakan pengajarannya. Izumi-Taylor, Samuelsson dan Rogers (2010) yang membuat kajian tentang salah satu kaedah pengajaran menyimpulkan bahawa persepsi guru memberikan kesan kepada pengalaman pembelajaran kanak-kanak di dalam kelas. Dalam hal ini penguasaan pengetahuan tentang kandungan kemahiran yang diajar membantu guru mengetahui kaedah terbaik dan juga membantu mereka memahami apakah yang sesuai untuk murid-murid mereka.

Tatabahasa merupakan tulang belakang kepada sesuatu bahasa. Tanpa tatabahasa sesuatu bahasa itu tidak dapat menjadi mantap (Paramasivam, 2002). Sesuatu bahasa dikatakan sempurna apabila wujud karya kesusastraan dalam bahasa itu yang memperlihatkan kemantapan dalam aspek tatabahasa. Lantaran itu, sesuatu bahasa perlulah mempunyai satu sistem tatabahasa yang jelas dan tepat. Sehubungan dengan itu, seorang penutur dalam bahasa Tamil memerlukan penguasaan tatabahasa yang mendalam untuk mengelakkan wujudnya sebarang kesilapan dalam bahasa tersebut, di samping untuk menghayati dan mengkaji serta menghasilkan genre sastera (Rajagopalachariar, 2004).

Secara umumnya, pengajaran kemahiran tatabahasa dalam sebarang bahasa sering dianggap orang sebagai subjek yang kering, membosankan dan kadangkala menakutkan (Samikkanu Jabamoney, 2011). Hal ini demikian kerana wujudnya rumus-rumus bahasa yang rigid dan sukar dikuasai pelajar. Hasil kajian Munusamy (2011) membuktikan bahawa rasa kurang minat pelajar dalam pembelajaran tatabahasa adalah sebenarnya disebabkan oleh pengajaran guru yang kurang efektif. Al-Mekhlafi dan Nagaratnam (2011) dalam kajiannya turut menegaskan bahawa guru menghadapi kesukaran dalam pengajaran tatabahasa kerana mereka mempunyai persepsi negatif semasa menjalankan PdP pengajaran tatabahasa. Lantaran itu, wujud semacam tanggapan sama ada dalam kalangan guru maupun murid, pengajaran tatabahasa bersifat didaktik dan menekankan aturan-aturan bahasanya (Awang Sariyan, 2014). Kita tidak dapat menyangkal bahawa sememangnya matlamat utama pengajaran dan pembelajaran adalah untuk murid menguasai sistem bahasa tersebut dan memanfaatkannya untuk tujuan fungsional. Banyak cabaran yang perlu dihadapi dalam PdP kemahiran tatabahasa.

Aspek tatabahasa Tamil sangat luas dan mendalam serta unik namun, para murid dan guru kurang menguasai tatabahasa Tamil. Kajian-kajian lepas menunjukkan guru-guru masih lemah sebagai penyampai tatabahasa Tamil (Kumutha, 2012). Kelemahan ini menyebabkan berlakunya pelbagai kesalahan bahasa dari segi penggunaan kata, imbuhan, frasa, mahupun penggunaan ayat (Abdul Hamid Mahmood, Siti Saniah Abu Bakar, & Sanat Md. Nasir, 2012). Mengikut Koh Boh Boon (1990) tahap penguasaan tatabahasa kurang memuaskan dalam kalangan sesetengah guru pelatih. Hal ini berlaku kerana, mereka melakukan kesalahan-kesalahan yang memang tidak dijangkakan. Kelemahan dalam tatabahasa ini dibawa oleh guru pelatih ke bilik darjah dan menjelaskan keberkesan pengajaran mereka (Amir Juhari & Noor Zila Md. Yusuf, 2012). Dapatkan kajian dalam pengajaran tatabahasa Bahasa Melayu ini turut disokong oleh kajian Sreetharan (1986) dan Mannar Mannan (1995) dalam pengajaran tatabahasa Tamil. Kajian mereka mendapati bahawa guru pelatih banyak melakukan kesalahan tatabahasa kerana mereka tidak mempunyai tahap penguasaan tatabahasa Tamil yang baik. Mereka juga kurang mahir dan tidak peka terhadap hukum-hukum tatabahasa Tamil terutama dalam *punarcci*.

Tatabahasa *punarcci* merupakan bahagian yang amat penting dan merupakan satu aspek yang amat unik dan istimewa dalam bahasa Tamil. Dapatkan terkini, mengikut laporan kupasan mutu jawapan tahun 2014 daripada KPM pula menunjukkan murid-murid kurang menyediakan diri dengan pengetahuan dan hukum-hukum kemahiran *punarcci* iaitu ‘*certtu eluttal*’ dan ‘*pirittu eluttal*’ (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2014). Hal ini berlaku kerana murid gagal memberi jawapan yang tepat akibat merekatidak mengetahui kemahiran tatabahasa ini dan hasilnya mereka tidak berjaya mengaplikasikan hukum-hukum tatabahasa dalam mencantumkan dua perkataan dengan tepat. Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, kajian ini dilakukan untuk melihat setakat manakah penguasaan dan persepsi guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa *punarcci*.

## TUJUAN KAJIAN

Secara umum, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti, penguasaan dan persepsi terhadap pembelajaran tatabahasa *punarcci* dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) yang terpilih. Tinjauan terhadap penguasaan dan persepsi guru tentang kurikulum adalah perlu kerana guru ialah pelaksana kurikulum dan merupakan individu yang paling rapat dengan murid. Oleh itu, guru ialah individu yang perlu diberi perhatian untuk memahami dan untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan kurikulum kerana guru lebih mengetahui apakah isu-isu yang timbul dalam melaksanakan P&P. Lantaran itu, kajian ini ingin melihat guru pelatih sebagai subjek kajian memandangkan mereka ini bakal mewarnai dunia pendidikan kita pada masa akan datang.

## OBJEKTIF KAJIAN

Hasil tinjauan kajian lepas menunjukkan guru pelatih tidak memiliki ilmu tentang kandungan tatbahasa punarcci yang penting dalam mata pelajaran Bahasa Tamil. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi mereka berhubung dengan tatabahasa punarcci. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti penguasaan guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa punarcci.
2. Mengenalpasti persepsi guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa punarcci.

## PERSOALAN KAJIAN

Kajian yang bertajuk Persepsi Guru Pelatih Terhadap Pembelajaran Tatabahasa punarcci: Satu Tinjauan secara ringkasnya ingin menjawab persoalan berikut.

1. Apakah penguasaan guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa punarcci?
2. Apakah persepsi guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa punarcci?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif tinjauan melalui soal selidik untuk mengumpulkan data. Sampel terdiri daripada 40 orang guru pelatih di dua buah Institut Pendidikan Guru (IPG) yang terpilih di Perak dan Pulau Pinang. Hanya guru pelatih yang mengikuti pengkhususan mata pelajaran Bahasa Tamil sebagai minor sahaja yang dipilih untuk kajian ini.

Instrumen utama kajian ini ialah soal selidik. Ianya dibina berdasarkan tinjauan literatur yang dibuat dan meliputi dua bahagian iaitu demografi dan persepsi responden yang terlibat. Bahagian demografi responden melibatkan maklumat mengenai jantina, umur, kelulusan akademik, kelulusan professional, tahap pendidikan tertinggi mereka dalam Bahasa Tamil dan pengkhususan Bahasa Tamil di IPG. Manakala untuk bahagian persepsi guru pelatih bahasa Tamil pula terbahagi kepada 13 item yang merangkumi aspek minat terhadap Bahasa Tamil, minat belajar tatabahasa punarcci, kefahaman serta penguasaan tatabahasa punarcci, kaedah pembelajaran tatabahasa punarcci dan pendedahan terhadap kaedah pembelajaran tatabahasa punarcci.

Data kebolehpercayaan yang dilaporkan dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian rintis yang dijalankan kepada 30 orang responden. Tujuan analisis kebolehpercayaan data adalah untuk mengetahui kebolehlaksanaan dan kebolehgunaan intrumen kajian dalam konteks kajian sebenar. Ciri-ciri sampel kajian rintis adalah sama dengan sampel kajian sebenar hanya berbeza dari segi lokasi institusi pendidikan guru yang telah dipilih.

Untuk mengetahui kebolehpercayaan data, pengkaji menggunakan analisis konsistensi dalaman *Alpha Cronbach's* (Cronbach, 1951). Penilaian *Alpha Cronbach's* digunakan untuk mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap konstruk yang terdapat pada instrumen soal selidik. Nilai *Alpha Cronbach's* yang diterima adalah bernilai 0.7 ke atas (Nunnally, 1978).

Jadual 2: Ketekalan Dalaman Instrumen Soal Selidik (*Alpha Cronbach's*)

Instrumen	Jumlah Item	Nilai <i>Alpha Cronbach's</i>
Bahagian B: Penguasaan dan persepsi terhadap pembelajaran tatabahasa punarcci.	13	0.766

Berdasarkan jadual 2 di atas menunjukkan nilai ketekalan dalam instrumen soal selidik yang telah dilakukan diterima dan kajian sebenar boleh dilakukan. Kesemua konstruk soal selidik yang dibina diterima dengan nilai *Alpha Cronbach's* melebihi 0.766. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS dan menggunakan nilai peratus dan frekuensi untuk menerangkan dapatan kajian yang dianalisis.

## ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini adalah untuk menjawab objektif kajian yang pertama iaitu untuk kajian tinjauan soal selidik digunakan untuk menjawab soal selidik ini melibatkan 40 orang guru-guru pelatih sebagai responden kajian daripada IPG yang terpilih. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif menggunakan nilai skor min dan frekuensi. Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu demografi, penguasaan dan persepsi terhadap pembelajaran tatabahasa punarcci responden kajian.

Demografi responden terbahagi kepada enam bahagian utama iaitu jantina, umur, kelulusan akademik tertinggi, kelulusan professional, tingkatan tertinggi pencapaian bahasa Tamil dan pengkhususan Bahasa Tamil di IPG.

Jadual 1 : Demografi Responden yang terlibat dalam Kajian

Demografi	Deskripsi	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	7	17.5
	Perempuan	33	82.5
Umur	Bawah 21 tahun	16	40
	22-25 tahun	24	60
Kelulusan akademik tertinggi	SPM	36	90
	STPM	3	7.5
	DIPLOMA	1	2.5
Kelulusan profesional	Guru pelatih IPG	40	100
	Sijil perguruan	0	0
	Diploma perguruan	0	0
Pencapaian tertinggi dalam Bahasa Tamil	SPM	40	100
	STPM	0	0
Pengkhususan di IPG	Major	0	0
	Minor	40	100

Jadual 1 menunjukkan dapatan daripada analisis demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan jadual tersebut, responden yang terlibat adalah terdiri daripada 33 orang perempuan dan 7 orang lelaki. Responden yang berumur antara 22-25 tahun (60%) lebih ramai berbanding dengan responden yang berumur 21 tahun kebawah(40%). Kelulusan akademik responden dalam kajian ini, tertinggi berkelulusan SPM (90%) diikuti dengan STPM (7.5%) dan hanya seorang yang mempunyai diploma (2.5%). Kesemua responden kajian ini ialah guru pelatih IPG (100%) yang mengambil Bahasa Tamil sebagai minor pengkhususan di IPG. Manakala pencapaian tertinggi mata pelajaran Bahasa Tamil responden dalam kajian ini sebelum masuk ke IPG adalah pada peringkat SPM (100%). Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini mempunyai latarbelakang yang sama iaitu merupakan guru pelatih di IPG yang terlibat dan mengambil pengkhususan Bahasa Tamil sebagai minor semasa pengajian di IPG. Responden dalam kajian ini juga telah belajar bahasa Tamil sehingga ke peringkat peperiksaan SPM.

#### Penguasaan dan Persepsi Guru Pelatih

Bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu penguasaan dan persepsi terhadap pembelajaran guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa *punarcci*. Data diambil untuk mengetahui tahap persetujuan responden yang terlibat dengan menggunakan nilai 5 tahap skala *likert*. Tahap persetujuan yang diambil adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3: Skala Tahap Persetujuan Responden

Skala	Respons	Tahap persetujuan
1	Sangat tidak bersetuju	1 - 20%
2	Tidak bersetuju	21 - 40 %
3	Tidak pasti	41 - 60%
4	Setuju	61 - 80%
5	Sangat setuju	81 – 100%

Berdasarkan jadual 3 skala tahap persetujuan tersebut, responden dalam kajian ini memberi respons terhadap soal selidik yang diberikan. Dapatan bahagian pertama penguasaan tatabahasa *punarcci* dalam kalangan guru pelatih di IPG yang terlibat dikategorikan kepada lima bahagian yang lain iaitu minat terhadap tatabahasa Tamil, minat terhadap tatabahasa *punarCCI*, kesukaran untuk memahami tatabahasa *punarCCI*, kekeliruan terhadap tatabahasa *punarCCI*, kesilapan *punarCCI* dalam penulisan dan kesukaran menguasai tatabahasa *punarCCI*. Jadual berikut menerangkan penguasaan tatabahasa dalam kalangan guru-guru pelatih di IPG yang terpilih.

Jadual 4: Penguasaan Tatabahasa *punarCCI*

Penguasaan Tatabahasa <i>punarCCI</i>	Tahap Persetujuan (Frekuensi/Peratus)					Min ( <i>M</i> ) Sisihan Piawai
	1	2	3	4	5	
Minat belajar Bahasa Tamil	14 (35)	9 (22.5)	6 (15)	8 (20.0)	3 (7.5)	2.42 1.36
Minat belajar tatabahasa <i>punarCCI</i>	20 (50)	9 (22.5)	4 (10)	6 (15)	1 (2.5)	1.98 1.21
Tatabahasa <i>punarCCI</i> sukar difahami	2 (5.0)	3 (7.5)	1 (2.5)	10 (25)	24 (60)	4.28 1.15
Keliru dalam memahami tatabahasa <i>punarCCI</i> kerana banyak hukum yang perlu diingat	1 (2.5)	3 (7.5)	2 (5)	11 (27.5)	23 (57.5)	4.30 1.04
Sentiasa membuat kesilapan tatabahasa <i>punarCCI</i> dalam penulisan	0	2 (5.0)	1 (2.5)	12 (30)	25 (62.5)	4.50 0.78
Sukar menguasai tatabahasa <i>punarCCI</i> menyebabkan kurang minat dan tatabahasa <i>punarCCI</i>	0 (2.5)	1 (7.5)	3 (17.5)	7 (72.5)	29 (7.5)	4.60 0.74

Nota: \*1- sangat tidak setuju, 2 – tidak bersetuju, 3- tidak pasti, 4 – setuju, 5- sangat setuju

Jadual 4 menunjukkan penguasaan responden terhadap pembelajaran tatabahasa *punarCCI*. Berdasarkan dapatan ini, dapat dilihat guru pelatih dalam konteks kajian ini berpendapat mereka sukar menguasai tatabahasa *punarCCI* dan hal ini membuatkan mereka kurang berminat terhadap kemahiran tatabahasa *punarCCI* ( $M=4.60$ ,  $SD=0.74$ ) diikuti dengan mereka merasakan sentiasa membuat kesilapan tatabahasa *punarCCI* dalam penulisan ( $M=4.50$ ,  $SD=0.78$ ). Kemudian, guru pelatih dalam konteks kajian ini juga keliru dalam memahami tatabahasa *punarCCI* kerana terdapat banyak hukum atau rumus yang perlu diingati ( $M=4.20$ ,  $SD=1.04$ ) dan merasakan tatabahasa *punarCCI* sukar untuk difahami ( $M=4.28$ ,  $SD=1.15$ ). Selain itu, guru pelatih dalam konteks kajian ini menunjukkan minat yang rendah untuk belajar Bahasa Tamil ( $M=2.42$ ,  $SD=1.36$ ) dan tatabahasa *punarCCI* ( $M=1.98$ ,  $SD=1.21$ ).

Jadual 5: Persepsi Guru Pelatih terhadap Tatabahasa *punarCCI*

Persepsi Guru Pelatih terhadap Tatabahasa <i>punarCCI</i>	Tahap Persetujuan (Frekuensi/Peratus)					Min ( <i>M</i> ) Sisihan Piawai
	1	2	3	4	5	
Tatabahasa <i>punarCCI</i> amat penting untuk penguasaan Bahasa Tamil	0	0	1 (2.5)	16 (40)	23 (57.5)	4.55 0.55
Penguasaan tatabahasa <i>punarCCI</i> amat penting untuk menghayati dan mengkaji serta menghasilkan sastera Tamil	0	0	1 (2.5)	11 (27.5)	28 (70)	4.65 0.62
Guru yang mengajar tatabahasa <i>punarCCI</i> kurang mahir menyampaikan topik dengan jelas	2 (5)	1 (2.5)	7 (17.5)	14 (35)	16 (40)	4.02 1.07
Kekurangan tenaga pakar dalam bidang	0	0	8	15	17	4.23

tatabahasa Tamil di Institusi Pengajian Tinggi tempatan	(20)	(37.5)	(42.5)	0.77
Kaedah pembelajaran <i>punarcci</i> yang dipermudahkan harus diperkenalkan	0	2 (5)	9 (22.5)	29 (72.5)
Penguasaan tatabahasa <i>punarcci</i> akan mengurangkan kesalahan ejaan dalam penulisan	0	0 (2.5)	12 (30)	27 (67.5)
	0	1 (2.5)	5 (12.5)	34 (85)
	0	0	4.62 0.63	4.80 0.56

Nota: \*1- sangat tidak setuju, 2 – tidak bersetuju, 3- tidak pasti, 4 – setuju, 5- sangat setuju

Jadual 5 menunjukkan persepsi guru pelatih terhadap tatabahasa *punarcci* untuk penguasaan Bahasa Tamil. Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan guru pelatih dalam konteks kajian ini sangat bersetuju untuk dide dahkan dengan kaedah pembelajaran tatabahasa *punarcci* yang dipermudahkan ( $M=4.80$ ,  $SP=0.56$ ) dan satu kaedah pembelajaran tatabahasa melalui prinsip-prinsip *punarcci* yang dipermudahkan harus diperkenalkan. Hal ini adalah disebabkan guru pelatih dalam konteks kajian ini berpendapat bahawa penguasaan tatabahasa *punarcci* amat penting untuk menghayati dan mengkaji serta menghasilkan genre dalam sastera Tamil ( $M=4.65$ ,  $SP=0.62$ ) dan melalui penguasaan tatabahasa *punarcci* kesalahan ejaan dalam penulisan dapat dikurangkan ( $M=4.62$ ,  $SP=0.63$ ) serta tatabahasa *punarcci* amat penting untuk penguasaan Bahasa Tamil ( $M=4.55$ ,  $SP=0.55$ ). Selain itu juga, guru pelatih dalam konteks kajian ini bersetuju bahawa kepakaran dalam Bahasa Tamil amat rendah. Responden bersetuju bahawa terdapat kekurangan tenaga pakar dalam bidang tatabahasa Tamil di institusi pengajian tinggi tempatan ( $M=4.23$ ,  $SP=0.77$ ) dan bersetuju guru yang mengajar tatabahasa *punarcci* kurang mahir menyampaikan topik dengan jelas semasa di sekolah ( $M=4.02$ ,  $SP=1.07$ ).

Secara umumnya, dapatan menunjukkan penguasaan tatabahasa *punarcci* dan Bahasa Tamil guru pelatih IPG berada pada keadaan yang rendah dan guru pelatih dalam konteks kajian ini tidak berminat untuk belajar tatabahasa *punarcci* kerana kemahiran ini agak sukar untuk difahami dan dikuasai oleh mereka. Dapatkan kajian ini mengukuhkan dapatan kajian Mannar Mannan (1995) bahawa salah satu kemahiran yang masih tidak dapat dikuasai oleh guru-guru pelatih ialah kemahiran *punarcci* dalam bahasa Tamil. Namun demikian, pelajar dalam konteks kajian ini berpendapat bahawa kaedah pembelajaran tatabahasa *punarcci* yang dipermudahkan harus diperkenalkan kepada guru pelatih IPG untuk meningkatkan penguasaan kemahiran tatabahasa tersebut. Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian Manonmani Devi (2016) yang menyatakan bahawa penguasaan aspek *punarcci* amat penting dalam penggunaan penulisan karya Tamil. Di samping itu, penguasaan tatabahasa *punarcci* membantu bahasa Tamil untuk terus mengekalkan ketulenan tanpa dipengaruhi oleh cara penulisan budaya bahasa asing.

## KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan isu pengajaran dan pembelajaran tatabahasa *punarcci* Bahasa Tamil dalam kalangan guru pelatih di IPG. Tatabahasa *punarcci* juga merupakan bahagian yang amat penting dalam *eluttatikaram*. Oleh hal yang demikian tatabahasa *punarcci* merupakan satu aspek yang amat unik dan istimewa dalam bahasa Tamil. Hal ini kerana apabila kita bertutur, perkataan akan lahir satu demi satu dengan lancar dan perubahan bunyi berlaku dengan serta-merta secara semula jadi.

Kajian ini memberikan pelbagai implikasi. Sehubungan dengan itu, implikasi amalan merujuk kepada langkah-langkah yang disarankan untuk diambil tindakan oleh beberapa pihak yang berkepentingan dan terlibat secara langsung seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Institut Pendidikan Guru (IPG), pensyarah IPG, pelajar IPG, para guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah rendah mahu pun menengah serta sumbangan kepada bidang ilmu.

Sehubungan itu, penggubalan kurikulum mata pelajaran Bahasa Tamil di KPM seperti sukan pelajaran dan huraihan sukan pelajaran harus memberi perhatian penuh untuk memperkasakan tatabahasa Tamil terutama dalam aspek *punarcci*. Lebih-lebih lagi dalam konteks bahan pembelajaran untuk mata pelajaran Bahasa Tamil amat sukar untuk didapati. Selain itu, pihak pensyarah juga harus berperanan sebagai seorang penyelidik. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini memerlukan kajian lanjutan dan penyelidikan tambahan. Para pensyarah perlu membuat penyelidikan dan kajian secara berterusan, mengkaji pelaksanaan dasar dan pendekatan dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Tamil di IPG terutama dalam aspek tatabahasa.

Secara umumnya, tatabahasa Tamil merupakan satu bidang yang sukar dalam kalangan guru pelatih. Keadaan ini akan menjadi semakin sukar dan guru pelatih akan terus tidak menggemarinya jika tidak ada usaha untuk memudahkan proses pembelajaran tatabahasa Tamil. Oleh hal yang demikian, guru pelatih perlu membuat anjakan pradigma untuk berusaha dan meningkatkan tahap penguasaan tatabahasa Tamil mereka.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood, Siti Saniyah Abu Bakar, & Sanat Md. Nasir. (2012). *Memartabatkan Bahasa Melayu Pengajian Bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Al-Mekhlafi, A. M., & Nagaratnam, R. P. (2011). Difficulties in teaching and learning grammar in an EFL context. *International Journal of Instruction*, 4(2), 69-92.
- Amani Dahaman. (2014). Pembangunan modul m-Pembelajaran Bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan), Universiti Malaysia, Kuala Lumpur.
- Amir Juhari & Noor Zila Md. Yusuf. (2012). *Pengajaran Tatabahasa Melayu di IPG*: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Awang Sariyan. (1977). Tatabahasa Za'ba dan Asmah Omar: Perbandingan dari segi analisis ayat. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Boon Pong Ying. (2008). Amalan reflective ke arah peningkatan profesionalisme diri guru. *Jabatan Ilmu Pendidikan, IPBA*. Kuala Lumpur.
- Chen, Z., & Goh, C. (2014). Teacher Knowledge about Oral English Instruction and Teacher Profiles: An EFL Perspective. *Teacher Development*, 18(1), 81-99. doi:<http://dx.doi.org/10.1080/13664530.2013.854270>.
- Coombs, B. (2009). *Mengajar Secara Efektif* (Siti Aishah Mohd Elias, Trans.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.

- Cooze, A., & Jantan, R. (2012). *100 Panduan Bagi Guru Pelatih*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia. Critique of Current Policy Documents". *Language Awareness* 8 (2): 84-97.
- Elliot, J. (1993). Neutrality, rationality and the role of the teacher, proceedings of the philosophy education society of Great Britain.
- Hanushek, E. A., & Rivkin, S. G. (2010). The Distribution of Teacher Quality and Implications for Policy. doi: 10.1146/annurev-economics-080511-111001.
- Hashim Othman & Mohd. Daud Hamzah. (2001). Latihan mengajar kendalian sekolah: penerokaan komponen-komponen kecekapan mengajar guru pelatih pra-siswazah.
- Izumi-Taylor, S. I., Samuelsson, I. P. & Rogers, C. S (2010). Perspectives on play in the three nations: A comparative study in Japan, the United States and Sweden.  
<http://ecrp.uiuc.edu/v12n1/izumi.html>. (21 Januari 2017)
- Jamaluddin Ramli, Ahmad Johari Sihes, Abd Rahim Hamdan & Muainah Ismail. (2006). *Bimbangan Guru Pembimbing Terhadap Guru Pelatih dalam Latihan Mengajar*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2015)*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2014). Laporan Kupasan Mutu Jawapan SPM Bahasa Tamil. Kuala Lumpur Malaysia: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Khadijah Abdul Razak, & Tengku Norhayati Tengku Othman. (2011). *Profesionalisme guru pendidikan Islam. Konsep dan amalan*. Paper presented at the International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011). Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah.
- Khairul Anwar Abu Bakar. (2014). Tahap Kesediaan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Dalam Latihan Mengajar. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Koh, Boh Boon. (1990). *Pengajaran tatabahasa bahasa Malaysia: prinsip dan teknik*: Fajar Bakti.
- Kumutha Rakkiappan. (2012). *Analisis penggunaan ayat dalam karangan bahasa Tamil*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan), University Malaya Kuala Lumpur.
- Mannar Mannan, M. (1995). *Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh guru pelatih pengajaran Tamil dalam penulisan bahasa Tamil*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Manonmani Devi, A. (2015). *Tamil Ilakkana Marapum Corpunarcci Vitikalum*. (Thesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan), Madurai Kamaraj University,Tamil Nadu.
- Munusamy, S. (2011). *Analisis kesilapan penggunaan kasus "Verrumai Urubugal" dalam kalangan pelajar sekolah menengah*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norhanim Taha. (1994). Perguruan sebagai satu profesi. In Y. Isa (Ed.), *Guru yang efektif*. Pahang: Jawatan kuasa Perayaan Hari Guru Peringkat Negeri Pahang.
- Noriati Rashid, Boon, P. Y., & Wong, K. (2010). *Asas kepimpinan dan perkembangan profesional guru*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Olugbemiro Jegede, Margaret Taplin, and Sing-Lai Chan (2010)
- Paramasivam, S. (2002). *Narramil ilakkanam*. Chennai: Pattu Pathippagam.
- Rajagopalachariar, K. (2004). *Ilakkana Vilakkam 1 eluttiyal*. Chennai : Star Publication.
- Samikkanu Jabamoney, I. (2011). Sebab cadangan penyelesaian pelajar aliran SJK(T) daerah Kinta Utara tidak mengambil mata pelajaran bahasa Tamil dalam peperiksaan PMR dan SPM. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Kod Penyelidikan: 2011-0001-106-01.
- Sreetharan, K. (1986). *An analysis of errors in the written tamil primary trainees in malaysian teacher training college*. (Unpublished master thesis), University Malaya, Kuala Lumpur.
- Vengadammaal, R. (2012). *Ilakkana kadpittalil : Cikkalkalum cila thiirvukalum*. Paper presented at the Tamil Education Research Conference 2012, Ipoh, Perak : Hillecity Hotel.

Manonmani Devi A/P M.A.R Annamalai  
*manonmanidevi@fbk.upsi.edu.my*  
Jabatan Bahasa Moden  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti pendidikan Sultan Idris

Ani binti Omar  
*ani.omar@fbk.upsi.edu.my*  
Jabatan Bahasa dan Kesusastraan Melayu  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti pendidikan Sultan Idris

S.Veeralakshmi  
*s.veeralakshmi@fbk.upsi.edu.my*  
Jabatan Bahasa Moden  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti pendidikan Sultan Idris